

Kenyataan Media
3 April 2018

Tujuh Pencabulan Terbesar oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Dalam Laporan Persempadanan Semula

Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH2.0) mengecam tindakan Perdana Menteri, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dan Ahli-ahli Parlimen yang menyokong usul persempadanan semula kerana meluluskan dan mewartakan laporan kajian persempadanan semula secara tergesa-gesa minggu lepas.

BERSIH2.0 berpendapat bahawa pembentangan, kelulusan, dan pewartaan laporan kajian persempadanan semula adalah tidak mematuhi prosedur kerana SPR masih belum menyelesaikan siasatan tempatan kedua di Selangor. Isu ini kini dicabar di Mahkamah Shah Alam oleh 107 plaintif yang mewakili lebih 10,000 pengundi.

Di samping itu, laporan persempadanan semula mengandungi syor yang akan menjejaskan lagi integriti sistem pilihan raya kita. BERSIH 2.0 dengan ini ingin mengetengahkan 7 isu-isu berikut:

(1) Mengekalkan dan menambahrosak pembahagian tidak sekata

Dalam menjalankan persempadanan semula di bawah Artikel 113 (2) Perlembagaan Persekutuan, SPR adalah diwajibkan untuk mengurangkan pembahagian tidak sekata dan memastikan bahawa jumlah pengundi di Kawasan Pilihan Raya adalah "lebih kurang sama" sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 2 (c), Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

SPR telah gagal dalam perkara ini dengan mengekalkan dan memburukkan lagi pembahagian tidak sekata secara tidak sah melalui proses persempadanan semula. Kecuali negeri Perlis, Terengganu, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, nisbah antara Kawasan Parlimen terkecil dan terbesar di negeri-negeri lain adalah melebihi 2 kali ganda. Nisbah ini juga menjadi lebih teruk selepas proses persempadanan semula di beberapa negeri – Selangor (dari 3.94 hingga 4.05), Johor (dari 3.05 ke 3.17), Kedah (dari 2.53 to 2.70), dan Melaka (dari 2.17 hingga 2.50) – dan ini menunjukkan penghinaan SPR terhadap Perlembagaan Persekutuan. (rujuk Lampiran 1)

SPR juga telah memburukkan lagi pembahagian tidak sekata dengan mewujudkan Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang bersaiz terlalu besar (*'super-sized'*). Selepas persempadanan semula, sepuluh Kawasan Parlimen terbesar mempunyai saiz yang terdiri daripada 108,156 hingga 150,439 pengundi, jauh melebihi purata negeri (rujuk Lampiran 2). Kawasan-kawasan Pilihan Raya ini diwujudkan dengan memadatkan pengundi-pengundi yang kebanyakannya mengundi pembangkang semasa pilihan raya yang lepas.

(2) Menidakkan demokrasi dengan memenangkan pihak yang kalah

Impak pembahagian tidak sekata bukan sahaja pelanggaran prinsip "satu orang, satu undi" di seluruh negara, tetapi ia juga melemahkan demokrasi dengan mengangkat pihak yang kalah jika pembahagian tidak sekata dikaitkan dengan prestasi pilihan raya. Apabila pilihan dan mandat pengundi dalam menentukan wakil rakyat/parlimen dan kerajaan terjejas, legitimasi dan kesahihan seluruh sistem politik akan terpersoal, lalu melemahkan kestabilan politik dan ekonomi.

Pada Pilihan Raya Umum ke-13 pada tahun 2013, gabungan Barisan Nasional (BN) hanya memenangi 47% undi popular tetapi ini adalah bersamaan dengan 60% Kawasan-kawasan Pilihan Raya. Perkara ini berlaku kerana pembahagian tidak sekata, dan Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang dimenangi oleh BN adalah jauh lebih kecil daripada Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang dimenangi oleh pihak pembangkang, Pakatan Rakyat.

Berdasarkan jumlah pengundi yang digunakan dalam proses persempadanan semula di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang dimenangi oleh BN pada tahun 2013 mempunyai purata 48,228 pengundi, manakala Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang dimenangi oleh pembangkang mempunyai purata hampir dua kali ganda, iaitu 79,436. Ini bermakna BN boleh kembali berkuasa tanpa undi majoriti.

Memandangkan 112 Kawasan Pilihan Raya terkecil merangkumi hanya 33% daripada jumlah pengundi, majoriti mudah (*simple majority*) parlimen secara teorinya boleh tercapai dengan hanya 16.5% undi popular. Angka ini mungkin lebih rendah dalam **pertembungan pelbagai penjuru ('multicornered')**. (Rujuk Lampiran 3)

(3) Gerrymandering bersifat partisan

BERSIH 2.0 juga telah mengesan percubaan untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya di Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang *marginal*, dengan memindahkan daerah-daerah mengundi berdasarkan pola pengundian.

Sebagai contoh di Melaka, lima daerah mengundi yang mempunyai sokongan kuat terhadap pembangkang telah dipindahkan dari P137 Bukit Katil (sebuah Kawasan Pilihan Raya *marginal*) ke P138 Kota Melaka (Kawasan Pilihan Raya kuat pembangkang). Simulasi semula keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 berdasarkan pola pengundian yang sama dan dengan yang sempadan baru, menunjukkan bahawa P137 Bukit Katil akan beralih dari sebuah Kawasan Pilihan Raya pembangkang menjadi Kawasan Pilihan Raya kerajaan. (rujuk Lampiran 4)

Kejadian gerrymandering yang sama, terutamanya yang melibatkan pemadatan penyokong pembangkang ke kawasan-kawasan pilihan raya yang besar, juga ditemui di beberapa negeri lain seperti Perak, Selangor, dan Johor. Analisa awal menunjukkan bahawa ini akan memberi kesan yang besar terhadap beberapa kawasan parlimen *marginal* di seluruh negara.

(4) Gerrymandering Berdasarkan Etnik

Dalam satu wawancara dengan New Straits Time pada 29 Mac 2018, Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah menyatakan bahawa etnik adalah salah satu kriteria yang dipertimbangkan semasa persempadanan semula.

BERSIH 2.0 mengancam dan menolak pamanipulasian bangsa dan etnik dalam sistem pilihan raya kita dan penjejasan hubungan tempatan. Tindakan SPR dan Tan Sri Hashim yang mengabaikan syarat-syarat untuk persempadanan semula yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan adalah menyalahi undang-undang, mendiskriminasi, dan tidak bermoral.

Dalam menganalisis laporan akhir persempadanan semula, SPR sememangnya telah menjalankan pemindahan pengundi berdasarkan etnik. Ini telah menghasilkan 15 Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang sebelum ini adalah bersifat majmuk (*'mixed constituencies'*); tetapi dengan persempadanan semula, mereka diubah menjadi 8 kawasan dominan Melayu dan 7 kawasan dominan Cina. (rujuk Lampiran 5)

(5) Pengecualian 59% kawasan-kawasan parlimen daripada persempadanan termasuk seluruh Perlis, Pulau Pinang dan Pahang

SPR menyatakan bahawa persempadanan semula dilakukan berdasarkan demografi dan perubahan penduduk dari masa ke masa disebabkan oleh pembangunan. Tetapi pada masa yang sama, SPR telah gagal mengesyorkan sebarang perubahan (sama ada tiada perubahan langsung dalam Syor 1 atau semua perubahan yang disyorkan ditarik balik dalam syor terakhir bagi negeri-negeri Perlis, Pulau Pinang (untuk Kawasan-kawasan Pilihan Raya Negeri dan Parlimen) dan Pahang (untuk Kawasan-kawasan Parlimen)).

Pengecualian Pulau Pinang dan Pahang jelas tidak adil dari segi prinsip perlembagaan "pembahagian lebih kurang sama". Dalam laporan akhir, SPR menyatakan bahawa jumlah pengundi di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 31.6%, iaitu dari 659,155 pengundi sejak persempadanan semula pada tahun 2003 kepada 867,748 pengundi pada tahun 2015. Begitu juga jumlah pengundi di Pahang meningkat sebanyak 33.5% iaitu dari 554,321 pengundi pada tahun 2003 kepada 740,023 pada tahun 2015. Penetapan sempadan yang sama telah mengekalkan pembahagian tidak sekata yang teruk di Pahang dan Kawasan-kawasan Pilihan Raya Negeri di Pulau Pinang, dengan nisbah terbesar-kepada-terkecil adalah 2.93 di Pahang dan 3.27 kali ganda di Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, 96 daripada 164 Kawasan-kawasan Parlimen yang sepatutnya dikaji semula (tidak termasuk Putrajaya dan Labuan) masih mempunyai sempadan yang sama seperti asal. Pengecualian Kawasan-kawasan Pilihan Raya ini berlaku walaupun 20 daripadanya adalah >33.33% lebih kecil (piawaian perlembagaan 1962) daripada purata negeri, dan 7 daripadanya adalah >33.33% lebih besar daripada purata negeri. (Rujuk Lampiran 6)

Kesannya, hak pengundi-pengundi di negeri-negeri ini untuk mempunyai perwakilan dan hubungan tempatan yang lebih baik telah diabaikan. Memandangkan persempadanan semula hanya boleh dilakukan sekurang-kurangnya setiap 8 tahun, pengundi di Pulau Pinang dan Pahang terpaksa menggunakan sempadan Kawasan-kawasan Pilihan Raya yang lama (berdasarkan persempadanan semula tahun 2003) selama 23 tahun kerana kegagalan dan ketidakcekapan SPR.

(6) Proses Siasatan Tempatan Palsu dan Pengitaran Semula Syor Pertama

10 kawasan Parlimen di Selangor, Kuala Lumpur dan Kedah menggunakan Syor 1 yang telah digugurkan selepas pusingan pertama siasatan tempatan.

Ini bermakna SPR telah bersetuju dengan pembantah bahawa Syor Pertama mereka telah dirancang dengan teruk; akan tetapi, badan yang sama telah mengambil semula syor-syor yang dibuangnya. Yang paling mengejutkan, perubahannya tidak berdasarkan sebarang bantahan yang kukuh. (rujuk Lampiran 7)

(7) Kegagalan PM Membentangkan Laporan Syor Persempadanan Semula untuk Sabah

Berhubungan dengan negeri Sabah, Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah telah meminda Perlembagaan Negeri pada tahun 2016 untuk menambah 13 kawasan DUN baru. Laporan persempadanan semula telah diselesaikan dan diserahkan kepada Perdana Menteri pada 21 Februari 2017, tetapi beliau memilih untuk tidak membentangkan laporan tersebut di Parlimen tanpa sebarang penjelasan.

Syor Kedua untuk Sabah menunjukkan pembahagian tidak sekata yang teruk dan hal ini menimbulkan kebimbangan bahawa cadangan akhir mungkin memburukkan lagi pembahagian kedua-dua parlimen dan negeri. Namun Perdana Menteri tidak mempunyai hak untuk melambatkan pembentangan laporan tersebut.

Ini juga merupakan pembaziran sumber awam kerana SPR telah menjalankan dua pusingan paparan awam, siasatan tempatan dan penyediaan laporan akhir.

Pengundi mesti kalahkan pamanipulasian pilihan raya dengan mengundi

Oleh itu, BERSIH 2.0 dengan tegas menolak keseluruhan proses persempadanan semula dan laporan akhir yang dibentangkan dan diluluskan di Parlimen. Suruhanjaya Pilihan Raya bukan sahaja mengabaikan proses dan prosedur perlembagaan, tetapi juga telah mengutarakan syor yang melanggar prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam perlembagaan.

Adalah jelas bahawa Perdana Menteri, Parlimen, Suruhanjaya Pilihan Raya, Badan Kehakiman dan Polis kesemuanya terlibat dalam memastikan bahawa persempadanan semula diluluskan dengan tergesa-gesa dan dengan apa jua cara, untuk mempengaruhi dan mencuri pilihan raya umum akan datang.

BERSIH 2.0 menggesa semua pengundi untuk menolak pamanipulasian pilihan raya dengan keluar mengundi dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang. Walaupun kita mungkin tidak dapat menghentikan persempadanan semula daripada diluluskan, jumlah pengundi yang tinggi pada PRU ini akan dapat mengurangkan kesan penipuan dan manipulasi pilihan raya.

Satukan Tenaga – Keluar Mengundi, Kalahkan Pencuri!

Dikeluarkan oleh,
Jawatankuasa Pemandu BERSIH 2.0

Lampiran 1

Perbandingan antara Kawasan-kawasan Persekutuan yang terkecil dan terbesar dari segi bilangan pengundi di setiap Negeri

Negeri	Sebelum Persempadanan Semula			Selepas Persempadanan Semula		
	Terkecil	Terbesar	Nisbah	Terkecil	Terbesar	Nisbah
Perlis	42,293	50,751	1.20	42,293	50,751	1.20
Kedah	37,645	95,131	2.53	37,645	101,829	2.70
Kelantan	41,894	101,318	2.42	41,894	101,318	2.42
Terengganu	67,739	98,352	1.45	67,739	98,352	1.45
Penang	50,324	84,755	1.68	50,324	84,755	1.68
Perak	28,078	100,807	3.59	28,078	96,437	3.43
Pahang	27,892	81,647	2.93	27,892	81,647	2.93
Selangor	37,126	146,317	3.94	37,126	150,439	4.05
Kuala Lumpur	53,037	91,312	1.72	55,896	81,290	1.45
Negeri Sembilan	45,719	103,615	2.27	45,719	99,752	2.18
Melaka	47,972	104,234	2.17	47,972	120,071	2.50
Johor	37,568	114,625	3.05	37,568	119,175	3.17

Lampiran 2


Sepuluh kawasan terbesar Persekutuan di Malaysia selepas persempadanan semula

No.	Sebelum Persempadanan Semula	Bil. Pengundi	Selepas Persempadanan Semula	Bil. Pengundi	Beza	Purata Negeri
1.	P106 Petaling Jaya Utara	84,456	P106 Damansara	150,439	+65,983	94,469
2.	P102 Serdang	139,013	P102 Bangi	146,168	+7,155	94,469
3.	P110 Klang	98,285	P110 Klang	136,222	+37,937	94,469
4.	P105 Petaling Jaya Selatan	78,404	P105 Petaling Jaya	129,363	+50,959	94,469
5.	P104 Kelana Jaya	101,603	P104 Subang	128,330	+26,727	94,469
6.	P098 Gombak	124,596	P098 Gombak	124,983	+387	94,469
7.	P111 Kota Raja	110,082	P111 Kota Raja	121,126	+11,044	94,469
8.	P138 Kota Melaka	93,761	P138 Kota Melaka	120,071	+26,310	76,108
9.	P162 Gelang Patah	114,625	P162 Iskandar Puteri	119,175	+4,550	63,428
10.	P159 Pasir Gudang	108,156	P159 Pasir Gudang	108,156	0	63,428


Lampiran 3

Seperti tajuk

(Kredit: Dr Wong Chin Huat dan Engage)



Latest Electorate Size for the 133 Parliamentary Constituencies won by the Ruling Coalition (Barisan Nasional) and the 89 Parliamentary Constituencies won by the Opposition (Pakatan Rakyat) in 13th General Elections, 2013.



In the most extreme of cases, a simple parliamentary majority could theoretically be won with just 16.5% of the popular vote, i.e. by obtaining 50%+1 votes for each of the 112 smallest constituency.

Lampiran 4

Pemadatan pengundi pembangkang dengan memindahkan daerah pengundian berdasarkan pola pengundian.

Ilustrasi: Lima daerah pengundian dengan sokongan pembangkang yang kuat telah dipindahkan dari P137 Bukit Katil (kawasan *marginal*) dan dipadatkan ke P138 Kota Melaka (kubu pembangkang)

P137 Bukit Katil			
Results before redelineation (GE13)		Results after redelineation (simulation)	
BN	40,720	BN	34,232
PR	46,167	PR	32,990
Majoriti	-5,447	Majoriti	+1,242

<u>Transfer of Polling District with strong opposition support</u>	
Malim Jaya	5,000
Taman Asean	5,169
Taman Melaka Baru	3,875
Batu Berendam	3,408
Taman Merdeka	5,948
Total	23,400



P138 Kota Melaka			
Results before redelineation (GE13)		Results after redelineation (simulation)	
BN	28,775	BN	35,518
PR	49,521	PR	63,999
Majoriti	-20,746	Majoriti	-28,481

Lampiran 5

Pemindahan pengundi berasaskan etnik, mewujudkan kawasan dominan Melayu yang baru

KAWASAN		Melayu	Cina	India	Lain-lain
P59 BUKIT GANTANG	Before	67.5%	22.9%	9.3%	0.3%
	After	72.4%	18.9%	8.4%	0.3%
	Changes	+4.9%	-4.0%	-0.9%	-0.0%
P74 LUMUT	Before	54.0%	32.9%	11.8%	1.3%
	After	72.0%	15.0%	11.4%	1.6%
	Changes	+18.0%	-18.0%	-0.3%	+0.3%
P101 HULU LANGAT	Before	54.1%	32.8%	10.9%	2.2%
	After	65.0%	22.1%	10.4%	2.5%
	Changes	+10.9%	-10.8%	-0.5%	+0.4%
P107 SUBANG	Before	47.5%	38.5%	11.8%	2.2%
	After	65.3%	21.6%	10.7%	2.3%
	Changes	+17.8%	-16.9%	-1.1%	+0.2%
P109 KAPAR	Before	54.6%	30.9%	13.7%	0.8%
	After	70.7%	14.8%	13.6%	0.9%
	Changes	+16.1%	-16.1%	-0.1%	+0.1%
P121 LEMBAH PANTAI	Before	57.0%	21.8%	18.8%	2.4%
	After	62.1%	18.9%	16.3%	2.7%
	Changes	+5.1%	-2.9%	-2.5%	+0.3%
P124 BANDAR TUN RAZAK	Before	53.8%	36.5%	8.3%	1.4%
	After	61.1%	29.1%	8.3%	1.5%
	Changes	+7.3%	-7.4%	-0.1%	+0.1%
P137 BUKIT KATIL	Before	55.0%	38.6%	5.6%	0.8%
	After	62.4%	31.1%	5.7%	0.8%
	Changes	+7.4%	-7.4%	+0.1%	-0.0%

Pemindahan pengundi berasaskan etnik, mewujudkan kawasan dominan Cina yang baru

CONSTITUENCY		Melayu	Cina	India	Others
P68 BERUAS	Before	34.2%	50.7%	14.9%	0.2%
	After	26.3%	59.3%	14.1%	0.4%
	Changes	-7.9%	+8.6%	-0.9%	+0.1%
P103 PUCHONG	Before	39.2%	44.2%	15.2%	1.4%
	After	36.8%	52.0%	10.0%	1.1%
	Changes	-2.4%	+7.8%	-5.1%	-0.0%
P104 KELANA JAYA	Before	37.1%	43.0%	17.9%	2.0%
	After	26.6%	56.5%	15.2%	1.7%
	Changes	-10.5%	+13.5%	-2.7%	-0.1%
P110 KLANG	Before	33.6%	45.0%	19.7%	1.8%
	After	26.4%	55.3%	17.1%	1.2%
	Changes	-7.1%	+10.3%	-2.6%	-0.3%
P117 SEGAMBUT	Before	33.4%	53.4%	11.1%	2.2%
	After	27.5%	58.9%	11.8%	1.8%
	Changes	-5.8%	+5.5%	+0.7%	-0.2%

Lampiran 6

Bilangan Kawasan Parlimen Termasuk Yang Mengekalkan Batas Sempadan Yang Sama

State	N	%	Deviation from State Average	
			N, <66.67%	N, >133.33%
Perlis	3	100.00%	0	0
Kedah	10	66.67%	2	1
Kelantan	7	50.00%	1	1
Terengganu	6	75.00%	0	0
Penang	13	100.00%	0	0
Perak	13	54.17%	5	0
Pahang	14	100.00%	2	1
Selangor	5	22.73%	2	0
Kuala Lumpur	1	9.09%	0	0
Negeri Sembilan	6	75.00%	1	0
Malacca	3	50.00%	1	0
Johor	15	57.69%	6	4
Total	96	58.54%	20	7

Lampiran 7

Cadangan 1 yang dikitar semula di 14 kerusi Parlimen

Boundary Change Pattern	Kedah		Selangor		Kuala Lumpur	
	N	%	N	%	N	%
Status Quo -> 1st Proposal -> Status Quo -> 1st Proposal			9	40.91%	1	9.09%
Status Quo -> 1st Proposal -> 2nd Proposal -> 1st Proposal	2	13.33%	1	4.55%		
Total	2	13.33%	10	45.46%	1	9.09%